SELANGOR

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR**
**(PLANMalaysia Selangor)**
Perancangan Melangkaui Kelaziman
*Planning : Beyond Conventional*




2025










# PANDUAN PELAKSANAAN

TATACARA URUSAN RUNDINGAN BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 20A AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA, 1976 (AKTA 172) NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

MALAYSIA MADANI

KITASELANGOR

**SENARAI KANDUNGAN** i

**PRAKATA** iv

**GLOSARI SINGKATAN** v

**1.0 LATAR BELAKANG** 1

1.1 Perbandingan Kebenaran Merancang di bawah Seksyen 21 Akta 172 Dengan Proses Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172 2

**2.0 PERUNTUKAN DASAR DAN PERUNDANGAN**

2.1 Garis Panduan RMK Ke-13 (2026-2030) 3

2.2 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 1.5) 3

2.3 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 3.1) 4

2.4 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 4.7) 5

2.5 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UUK) Negeri Selangor 1986 [Sel. P.U. 6/1985] 6

**3.0 TATACARA PELAKSANAAN URUSAN RUNDINGAN SEKSYEN 20A, AKTA 172**

3.1 Peluasan Proses Rundingan ke Kementerian/Jabatan/Agensi Lain 7

3.2 Projek-Projek Kerajaan yang Tertakluk kepada Urusan Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172. 7

3.3 Projek-Projek yang Tidak Tertakluk kepada Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172. 8

3.4 Peranan Pihak-Pihak yang Terlibat Dalam Urusan Rundingan 9

3.4.1 Peranan Pemohon (Kementerian /Jabatan/Agensi) 9

3.4.2 Peranan Urus Setia (PLANMalaysia Selangor) 11

3.4.3 Peranan Ahli Jawatankuasa (Jabatan Teknikal) 11

3.4.4 Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 11

**4.0 PROSES URUSAN RUNDINGAN PROJEK KERAJAAN**

4.1 Pra-Syarat Urusan Rundingan Seksyen 20A, Akta 172 12

4.2 Penglibatan Urusan Rundingan dalam Proses Pelaksanaan Projek Pembangunan Kerajaan 13

4.3 Carta Alir Proses Urusan Rundingan 20A 14

4.3.1 Peringkat 1: Pra-Rundingan 14

4.3.2 Peringkat 2: Permohonan, Penerimaan dan Edaran Permohonan 15

4.3.3 Peringkat 3: Semakan dan Ulasan Jabatan Teknikal 18

4.3.4 Peringkat 4: Mesyuarat Urusan Rundingan 20A (JKT-JPNS) & Pemakluman Keputusan 18

4.3.5 Peringkat 5 : Pengemukaan Surat Aku Janji dan Pelan Akhir 19

4.3.6 Peringkat 6: Pemakluman dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri 20

**5.0 PROSES URUSAN RUNDINGAN 20A BAGI PERMOHONAN-PERMOHONAN KHUSUS**

5.1 Cadangan Pemajuan di Kawasan Sensatif Alam Sekitar (KSAS) 20

5.2 Cadangan Pemajuan yang Melibatkan Jajaran Lebuhraya/Trak Laluan Keretapi dan Infrastruktur Utama yang lain 21

**6.0 KESIMPULAN** 26

## SENARAI RAJAH

**RAJAH 1:**
Aspek-aspek teknikal yang perlu diselaraskan dalam proses rundingan seksyen 20A, Akta 172 1

**RAJAH 2:**
Perbandingan Kebenaran Merancang di bawah seksyen 21 Akta 172 dengan Proses Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172 2

**RAJAH 3:**
Ringkasan projek-projek kerajaan yang tertakluk kepada urusan rundingan di bawah seksyen 20A, Akta 172 8

**RAJAH 4:**
Projek-projek yang tidak tertakluk kepada rundingan di bawah seksyen 20A, Akta 172 8

**RAJAH 5:**
Pra-syarat utama projek-projek kerajaan yang ingin dirundingkan di bawah seksyen 20A, Akta 172 13

**RAJAH 6:**
Penglibatan urusan rundingan dalam proses pelaksanaan projek pembangunan kerajaan 14

**RAJAH 7:**
Carta alir proses permohonan urusan secara rundingan di bawah 20A 17

**RAJAH 8:**
Carta alir proses urusan rundingan 20A bagi permohonan-permohonan yang terletak di dalam KSAS 22

**RAJAH 9:**
Carta alir proses urusan rundingan 20A bagi permohonan-permohonan berbentuk jajaran (Unsolicited Proposal) 23

**RAJAH 10:**
Carta alir proses urusan rundingan 20A bagi permohonan-permohonan berbentuk jajaran (solicited Proposal) 25

**SENARAI LAMPIRAN**

**LAMPIRAN 1 :**
Senarai Semak Dokumen Permohonan Rundingan 20A 28

**LAMPIRAN 2:**
Format Surat Aku Janji (Letter of Undertaking) 32

**LAMPIRAN 3:**
Format Pelan Susun Atur Kebenaran Merancang 33

**LAMPIRAN 4:**
Format Pelan Bangunan 34

**LAMPIRAN 5:**
Format Kerja Tanah 35

**LAMPIRAN 6:**
Format Pelan Jalan dan Perparitan 36

**LAMPIRAN 7:**
Senarai Semak Pemajuan Di Kawasan Sensatif Alam Sekitar (KSAS) 37

**LAMPIRAN 8:**
Senarai Semak Permohonan Perakuan 20A Untuk Projek Lebuh Raya, Rel, Transit Aliran Ringan dan Infrastruktur Utama 39

**LAMPIRAN 9:**
Sijil Perakuan Perundingan 47

# PRAKATA

Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 [Akta 172] menghendaki setiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) berkenaan dengan apa-apa aktiviti pemajuan yang hendak dijalankan di dalam Negeri itu. Tujuan perundingan ini dijalankan supaya Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum berkenaan dengan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan, selain menyelaraskan pembangunan fizikal di dalam negeri.

Panduan Pelaksanan Tatacara Urusan Rundingan Bagi Projek-Projek Kerajaan di bawah Seksyen 20A, Akta 172 bagi Negeri Selangor Darul Ehsan ini disediakan bagi menjelaskan **mengenai tatacara urusan pelaksanaan rundingan dan pemprosesan permohonan bagi projek-projek kerajaan di bawah seksyen 20A, Akta 172.** Panduan Pelaksanaan ini telah ditambah baik berpandukan kepada **Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan Bilangan 2 Tahun 2022 pada 22 Disember 2022**. Sehubungan itu, Panduan Pelaksanaan ini menggantikan Buku Panduan Tatacara Pemprosesan Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) yang telah diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor pada Februari 2016. Ini adalah selaras dengan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) Bil.1/2023 bertarikh 2 Mac 2023.

Panduan pelaksanaan ini menyentuh berkenaan dengan-

- pematuhan terhadap dasar, perundangan dan garis panduan sedia ada;
- tatacara pelaksanaan projek kerajaan;
- peranan-peranan mereka yang terlibat dalam urusan perundingan;
- perincian proses perundingan termasuklah dokumen-dokumen yang diperlukan; dan
- fungsi, peranan dan keahlian Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JKT-JPNS).

Diharapkan melalui panduan pelaksanaan ini, semua pihak yang terlibat dalam rundingan projek-projek kerajaan, dapat memahami dengan lebih jelas berhubung dengan tatacara, proses dan keperluan semasa mengemukakan permohonan, agar proses pertimbangan projek-projek kerajaan dapat dipermudah dan dipercepatkan.

# GLOSARI SINGKATAN

| **Singkatan** | **Penerangan** |
|---|---|
| CCC | *Certificate of Completion and Compliance* |
| CPC | *Certificate of Practical Completion* |
| JKOSC | Jawatankuasa Unit Pusat Setempat |
| JKR | Jabatan Kerja Raya |
| JKT-JPNS | Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor |
| JPNS | Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor |
| JPS | Jabatan Pengairan dan Saliran |
| KPKR | Ketua Pengarah Kerja Raya |
| MTPNg | Majlis Tindakan Pembangunan Negeri |
| PAP | *Pre-Approved Plan* |
| PBN | Pihak Berkuasa Negeri |
| PBT | Pihak Berkuasa Tempatan |
| P.P | Pegawai Pengawal |
| PSP | *Principal Submitting Person* |
| PSK | Perakuan Siap Kerja |
| PYDK | Pegawai Yang Diberi Kuasa |
| QP | *Qualified Person* |
| RMK13 | Rancangan Malaysia Ke-13 |
| RT | Rancangan Tempatan |
| VA | *Value Assessment* |
| VE | *Value Engineering* |

# LATAR BELAKANG



## 1.0 LATAR BELAKANG

Panduan Pelaksanaan Tatacara Urusan Rundingan bagi Projek-Projek Kerajaan Di Bawah Seksyen 20A ini merupakan penambahbaikan kepada **Tatacara Pemprosesan Permohonan Secara Rundingan 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)** yang telah diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor pada Februari 2016.

Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menghendaki supaya setiap **JABATAN ATAU AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI** berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) berkaitan dengan apa-apa cadangan aktiviti yang hendak dijalankan di dalam Negeri yang berkenaan. Peruntukan ini diwujudkan bertujuan supaya Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum akan cadangan projek yang hendak dilaksanakan supaya projek yang akan dijalankan dapat berjalan dengan lancar kerana ia telah mendapat sokongan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) sejak dari peringkat awal lagi.

Seksyen 4, Akta 172 memperuntukkan JPN bertanggungjawab untuk mengawal selia, mengawal, merancang dan menyelaras aktiviti pemajuan di dalam negeri. JPN juga bertanggungjawab untuk menasihati Kerajaan Negeri mengenai pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan tanah di dalam negeri.

Proses rundingan ini akan menyelaraskan aspek-aspek teknikal utama yang menyentuh perkara -perkara di dalam **Rajah 1.**

**Rajah 1:** Aspek-aspek teknikal yang perlu diselaraskan dalam proses rundingan seksyen 20A, Akta 172



## 1.1 Perbandingan Kebenaran Merancang di bawah Seksyen 21 Akta 172 dengan Proses Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172

**Kebenaran merancang (KM)** adalah satu mekanisme yang penting untuk tujuan penyelarasan pembangunan dan memastikan pembangunan dibuat secara terancang. Setiap dasar perancangan di peringkat negeri dan negara, impak terhadap kawasan sekitar perlu diambilkira. Maklumat seperti *zoning*, kelas guna tanah, nisbah plot yang ditetapkan dalam rancangan tempatan, jalan keluar masuk, rizab-rizab tertentu serta arahan-arahan teknikal yang lain dapat diselaraskan secara efektif melalui proses kebenaran merancang.

**Perundingan bagi projek-projek Kerajaan di bawah seksyen 20A, Akta 172** bermaksud, projek yang akan dibincangkan dan dirundingkan di bawah **Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor** yang diurus setia dan Dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Perbandingan KM di bawah seksyen 21 Akta 172 dengan proses rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172 adalah sebagaimana **Rajah 2.**

**Rajah 2:** Perbandingan Kebenaran Merancang di bawah seksyen 21 Akta 172 dengan Proses Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172

**Permohonan Urusan Rundingan di Peringkat Negeri di bawah Seksyen 20A, Akta 172**

Pemohon (kementerian/ jabatan/ agensi) mengemukakan **permohonan urusan rundingan 20A ke PLANMalaysia Negeri.**

Pemohon mengemukakan **Surat Aku Janji dan memperoleh Sijil Perakuan Rundingan** yang dikeluarkan oleh PLANMalaysia Negeri.

**Pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion, CPC) oleh Pegawal Penguasa setelah projek selesai.**

Contoh projek:

- Pembinaan Klinik kesihatan, balai bomba, Kuarters.
- Rancangan tebatan banjir.
- Jajaran Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

**Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) di PBT di bawah Seksyen 21, Akta 172**

Pemohon (kementerian/ jabatan/ agensi) mengemukakan **permohonan KM ke Unit Pusat Setempat (OSC) di PBT.**

**Memperoleh kelulusan KM (Borang C1) yang dikeluarkan oleh PBT.**

**Pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance, CCC) oleh PSP setelah projek selesai.**

Contoh Projek:

- Bangunan kerajaan beroperasi secara komersial.
- Bangunan yang perlu diinsurankan.
- Kompleks/pelabuhan pendaratan.
- Pembinaan Stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

**Nota:**

- Kementerian/jabatan/agensi perlu menentukan tatacara pelaksanaan projek sebelum perolehan dibuat.
- Projek kerajaan yang dilaksanakan secara konvensional dalaman, tetapi memerlukan kelulusan KM (Borang C1) dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), perlu dikemukakan ke Unit OSC di PBT.
- Projek kerajaan yang dilaksanakan secara konvensional yang menggunakan perkhidmatan perunding serta reka dan bentuk (design and build) yang tidak memerlukan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) boleh dikemukakan untuk proses urusan rundingan di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri.

Sumber: PLANMalaysia (2022), *Garis Panduan Urusan Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172 bagi Projek-Projek Pembangunan Kerajaan,* PLANMalaysia.



# PERUNTUKAN DAN DASAR PERUNDANGAN

## 2.0 PERUNTUKAN DASAR DAN PERUNDANGAN

Pelaksanaan tatacara rundingan projek-projek kerajaan di bawah Seksyen 20A, Akta 172 juga tertakluk kepada garis panduan-garis panduan dan pekeliling-pekeliling yang telah disediakan oleh agensi pusat dan juga Kerajaan Negeri.

### 2.1 Garis Panduan RMK Ke-13 (2026-2030)

Perkara 7.2.4, Garis Panduan RMK Ke-13 (2026-2030), menyatakan bagi mempercepatkan kerja pembinaan dan pengurusan aset kerajaan yang lebih menyeluruh, Kementerian/ Jabatan perlu mengoptimumkan pelan dan teknologi berikut;

i. *Pre-Approved Plan* (PAP) - PAP ialah reka bentuk bangunan yang tersedia dan lengkap dengan input seni bina dan ukur bahan. Penggunaan perlu dioptimumkan bagi memendekkan proses mereka bentuk projek serta memberi pilihan reka bentuk bangunan yang telah tersedia;

ii. Sistem Pembinaan Industri (IBS) - IBS ialah Teknik pembinaan pasang siap bagi meningkatkan kualiti serta produktiviti pembinaan, memendekkan tempoh pembinaan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing; dan

*iii.* *Building Information Modelling* (BIM) - BIM ialah kaedah pengurusan model 3D secara digital dalam kitar hayat pelaksanaan projek serta pengurusan aset secara menyeluruh. Kaedah ini diperkenalkan bagi meningkatkan aspek tadbir urus, kepakaran sumber manusia, kecekapan proses kerja dan aplikasi teknologi digital dalam pelaksanaan projek Kerajaan. Untuk itu, projek fizikal baharu yang bernilai RM10 juta ke atas perlu melaksanakan BIM dalam tempoh RMK13.

### 2.2 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 1.5)

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 1.5 berkenaan Perlaksanaan Pre-Approved Plan (PAP) dalam Projek Kerajaan yang berkuat kuasa pada 15 Januari 2020 mendefinisikan Pre-Approved Plan (PAP) sebagai “reka bentuk bangunan-bangunan yang tersedia ada dan lengkap dengan input seni bina, struktur, mekanikal, elektrik dan ukur bahan yang menepati keperluan teknikal dan perundangan kerajaan serta diluluskan untuk diguna pakai.”

Mekanisme Perlaksanaan PAP adalah seperti berikut:

i. semua agensi kerajaan hendaklah menggunakan PAP sama ada

pelaksanaan oleh Jabatan Teknik melalui AP182 atau projek yang diberikan pengecualian di bawah AP182. Syarat ini adalah mandatori untuk dipatuhi oleh semua agensi Kerajaan;

ii. semua projek yang menggunakan reka bentuk PAP hendaklah diserahkan dan dilaksanakan oleh Jabatan Teknikal (JKR atau JPS);

iii. agensi kerajaan tidak dibenarkan untuk melaksanakan sendiri dan perlu mendapatkan perkhidmatan Jabatan Teknikal (JKR atau JPS) dalam melaksanakan projek;

iv. agensi kerajaan hendaklah mendapatkan maklumat asas reka bentuk daripada katalog PAP dan manual pengguna PAP serta membuat permohonan di laman web Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui capaian http://pap.jkr.gov.my;

v. Pengecualian daripada melaksanakan kaedah PAP hendaklah dipohon melalui Pegawai Pengawal untuk mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) atau Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (KPJPS) Malaysia sebelum pelawaan perolehan kerja dibuat.

v. agensi kerajaan hendaklah mendapatkan maklumat asas reka bentuk daripada katalog PAP dan manual pengguna PAP serta membuat permohonan di laman web Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui capaian http://pap.jkr.gov.my;

Manakala Arahan Perbendaharaan 186 (Pindaan) pula menyatakan "jika Jabatan Teknik tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat Agensi diterima oleh Jabatan Teknik, maka **Kementerian/Jabatan boleh melantik perunding mengikut peraturan yang berkuat kuasa."**

## 2.3 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 3.1)

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 3.1) berkenaan Perolehan Perundingan Secara Am menetapkan-

i. agensi hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada JKR atau JPS bagi melaksanakan semua projek pembangunan fizikal Kerajaan bagi pihak Kerajaan tanpa mengira had nilai. **Pelepasan secara bertulis perlu diperoleh terlebih dahulu daripada KPKR atau KPJPS sekiranya Agensi berhasrat untuk melaksanakan sendiri**

**mana-mana projek pembangunan fizikal kecuali bagi kerja ukur dan kerja pembaikan yang tidak melibatkan perubahan struktur;**

ii. sekiranya JKR atau JPS tidak berkemampuan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut, JKR/JPS hendaklah mengemukakan maklum balas kepada agensi **dalam tempoh 14 hari kalendar** daripada tarikh surat agensi diterima di pejabat Jabatan Teknik. Agensi adalah bertanggungjawab memastikan surat tersebut disahkan penerimaan oleh JKR atau JPS sebagai bukti. Jika tiada maklum balas diterima oleh agensi dalam tempoh tersebut, agensi dibenarkan untuk melaksanakan sendiri projek berkenaan; dan

iii. sekiranya agensi tidak mempunyai kakitangan yang kompeten atau kepakaran dan memerlukan perkhidmatan perundingan bagi melaksanakan sesuatu projek pembangunan fizikal atau kajian, agensi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran rasmi (minit mesyuarat/ surat/ memo) daripada Pegawai Pengawal.

## 2.4 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 4.7)

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia [PK 4.7] berkenaan Peranan Dan Tanggungjawab Pegawai Penguasa/Pengarah Projek Secara Am Dalam Mengawal Selia Projek Pembangunan Kerajaan menjelaskan-

i. Pegawai Pengawal (P.P) mestilah dilantik oleh Agensi Pelaksanaan yang bertanggungjawab mengawal selia dan memberi arahan kerja menurut peruntukan kontrak. Kontraktor hendaklah berurusan dengan P.P sahaja bagi semua perkara berkaitan kerja. Agensi Pelaksanaan hendaklah memastikan P.P yang dilantik terdiri daripada pegawai yang layak terutamanya daripada kalangan Pegawai Teknikal;

ii. Bagi projek yang dilaksanakan oleh Agensi Bukan Teknik, penetapan Pegawai Penguasa bagi projek konvensional dan Pengarah Projek bagi reka dan bina serta Pegawai Yang Diberi Kuasa (PYDK) hendaklah ditentukan dengan lebih awal dari Pegawai Pengawal masing-masing;

iii. Bagi projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Teknik (JKR/JPS), penetapan P.P dan PYDK adalah ditentukan oleh Ketua Pengarah masing - masing;

iv. P.P bertanggungjawab mengeluarkan Perakuan Siap Kerja (PSK) atau Certificate of Practical Completion (CPC) berdasarkan peruntukan kontrak.

## 2.5 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UUK) Negeri Selangor 1986 [Sel. P.U. 6/1985]a

UUK 25(1): Perakuan Kelayakan menduduki sesuatu bangunan hendaklah diberi jika -

i. orang-orang berkelayakan semasa kerja itu dijalankan telah memperakui dalam Borang-E sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kedua Undang-Undang Kecil ini bahawa mereka telah mengawasi pembinaan bangunan itu, dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan mereka bangunan itu telah dibina mengikut Undang-undang Kecil ini dan apa-apa syarat yang dikenakan oleh PBT dan mereka bersetuju menerima tanggungjawab sepenuhnya mengenai bahagian-bahagian yang berkaitan dengan mereka masing-masing dan PBT atau seorang pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya bagi maksud itu telah memeriksa bangunan itu;

ii. semua perkhidmatan perlu, termasuk jalan akses, pandangan darat, tempat letak kereta, parit, pemasangan alat-alat kebersihan, air dan elektrik, lif bomba, pili bomba, pili bomba, kehendak-kehendak pembetungan dan pembuangan sampah dan lain-lain.

UUK 25 (2) Tiada apa-apa pun yang terkandung dalam UUK ini boleh mencegah PBT atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya bagi maksud itu daripada memeriksa apa-apa kerja bangunan pada mana-mana peringkatnya dan menarik perhatian kepada apa-apa penyimpangan daripada pelan yang diluluskan atau tidak mematuhi mana-mana UUK ini yang didapatinya dan daripada memberi notis secara bertulis memerintahkan supaya penyimpangan itu diperbetulkan.

UUK 2 mentafsirkan "orang berkelayakan" ertinya ‘seseorang arkitek, pelukis pelan bangunan atau jurutera berdaftar’, manakala "orang yang mengemukakan" ertinya ‘seseorang berkelayakan yang mengemukakan pelan-pelan kepada pihak berkuasa berkenaan untuk diluluskan.’

# TATACARA PELAKSANAAN URUSAN RUNDINGAN SEKSYEN 20A, AKTA 172



## 3.0 TATACARA PELAKSANAAN URUSAN RUNDINGAN SEKSYEN 20A, AKTA 172

### 3.1 Peluasan Proses Rundingan ke Kementerian/Jabatan/Agensi Lain

Semua projek kerajaan sama ada di Peringkat Persekutuan mahu pun negeri, yang tidak memerlukan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance, CCC), boleh dirundingkan di bawah seksyen 20A, Akta 172.

Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan Bilangan 2 Tahun 2022 pada 22 Disember 2022, telah memperluaskan pelaksanaan urusan rundingan 20A kepada semua kementerian/ jabatan/ agensi dan bukan hanya terhad kepada projek seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) sahaja.

Urusan rundingan ini juga tidak hanya melibatkan projek pembangunan kerajaan secara konvesional dalaman Sahaja; malahan juga kepada projek pembangunan secara konvesional perunding serta reka dan bina (design and build) yang tidak memerlukan CCC.

Perkara ini akan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat.

### 3.2 Projek-Projek Kerajaan yang Tertakluk kepada Urusan Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172.

i. Projek-projek yang menggunakan PAP;

ii. Projek-projek oleh Jabatan/Agensi seperti PBT, TNB, Air Selangor dan IWK yang melibatkan pembinaan struktur bangunan, yang walau pun tidak menggunakan PAP; dan

iii. Projek-projek kerajaan yang diselia dan dilaksanakan oleh Kementerian/ Agensi/ Jabatan selain JKR serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

**Rajah 3:** Ringkasan projek-projek kerajaan yang tertakluk kepada urusan rundingan di bawah seksyen 20A, Akta 172.

1. Projek-projek yang menggunakan Pre-Approved Plan (PAP).
2. Projek Jabatan/ Agensi seperti PBT, TNB, dan IWK, yang melibatkan pembinaan struktur bangunan, walau pun tidak menggunakan *Pre-Approved Plan* (PAP).
3. Projek-projek kerajaan yang diselia dan dilaksanakan oleh Kementerian/ Agensi/ Jabatan selain JKR serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

## 3.3 Projek-Projek yang Tidak Tertakluk kepada Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172

Projek-projek yang tidak tertakluk kepada rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172 adalah projek-projek JPS yang tidak melibatkan struktur bangunan, sebagaimana yang dinyatakan dalam **Rajah 4.**

**Rajah 4:** Projek-projek yang tidak tertakluk kepada rundingan di bawah seksyen 20A, Akta 172.



## 3.4 Peranan Pihak-Pihak Yang Terlibat Dalam Urusan Rundingan

### 3.4.1 Peranan Pemohon (Kementerian /Jabatan/Agensi)

i. Sebelum mengemukakan cadangan projek Rolling Plan ke Kementerian Ekonomi, kementerian/ jabatan/ agensi hendaklah membuat perbincangan awal bersama-

a) JKR dan agensi teknikal berkaitan termasuk PBT bagi membincangkan peruntukan kos projek melibatkan pematuhan keperluan teknikal; dan perbincangan bersama Pihak Negeri (JPN/ MTPNg) bagi memastikan perancangan pembangunan di peringkat negeri diambilkira.

b) Mengemukakan senarai cadangan projek Rolling Plan yang telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi tersebut ke Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri sebagai makluman awal projek-projek yang akan dibawa untuk urusan rundingan 20A di peringkat negeri.

c) Mengadakan pra-rundingan bersama jabatan/ agensi teknikal berkaitan sebagai input perancangan dan rekabentuk.

d) Mengemukakan permohonan yang memenuhi pra-syarat yang ditetapkan iaitu-

- Dikemukakan dan ditandatangani oleh Qualified Person (QP)/ Principal Submitting Person (PSP)/ Submitting Person (SP) – merupakan Arkitek Profesional/ Jurutera Profesional yang berdaftar dengan lembaga profesional masing-masing;
- perihal tanah telah diselesaikan (melepasi proses penyiaran Warta seksyen 8, Akta 486) – Borang D;
- cadangan projek selaras dengan rancangan tempatan (RT) dan zon guna tanah yang ditetapkan; dan
- permohonan mengambilkira garis panduan, pekeliling, arahan dan syarat lain yang ditetapkan oleh PBN.

ii. Kementerian/ Jabatan/ Agensi perlu memastikan mempunyai PAP sepertimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 1.5 sama ada pelaksanaan oleh Jabatan Teknikal melalui AP182 atau projek yang diberikan pengecualian di bawah AP182.

iii. Pengecualian daripada melaksanakan Kaedah PAP-

a) Jabatan/ Agensi perlu memohon melalui Pegawai Pengawal untuk mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) atau

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia sebelum pelawaan perolehan kerja dibuat.

b) Melantik Pegawai Penguasa yang terdiri daripada Pegawai Teknikal dalam kumpulan pengurusan & profesional yang boleh memantau kerja-kerja dan mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) mengikut kontrak.

c) Permohonan pengecualian adalah berbentuk case by case dan Agensi/Jabatan hendaklah mempunyai justifikasi kukuh berkenaan kemampuan teknikal iaitu full fledge kementerian sebagai pemilik dan dijelaskan dengan terperinci.

d) Jabatan/Agensi perlu memastikan hanya mengemukakan permohonan urusan rundingan **SEBELUM** proses perolehan dibuat bagi memastikan semua keperluan teknikal dipatuhi.

e) Jabatan/Agensi memenuhi **PRA-SYARAT** permohonan iaitu-

- memastikan urusan tanah diselesaikan terlebih dahulu termasuklah memastikan pembangunan terletak di dalam sempadan lot berkenaan selaras dengan perkara 25(iii) Garis Panduan RMK13;
- mematuhi Akta / Garis Panduan / Pekeliling yang dinyatakan dalam Garis Panduan RMK12 dan mengambil kira garis panduan, pekeliling, arahan dan syarat lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri Selangor;
- pematuhan kepada rancangan pemajuan yang berkaitan; dan
- mengadakan pra-rundingan bersama Jabatan Teknikal berkaitan sebagai input perancangan serta reka bentuk.

f) Jabatan/ Agensi hendaklah memastikan permohonan rundingan yang dikemukakan adalah lengkap sepertimana senarai semak dokumen seperti di Lampiran 1.

g) Jabatan/ Agensi juga bertanggungjawab mengemukakan Pelan Akhir (Pelan Susun Atur, Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah Dan Pelan Jalan & Parit) yang telah mematuhi syarat serta keperluan Jabatan Teknikal semasa rundingan dan mengemukakan Surat Aku Janji (letter of undertaking) kepada urus setia apabila projek hendak dilaksanakan seperti di Lampiran 2.

### 3.4.2 Peranan Urus Setia (PLANMalaysia Selangor)

i. Memastikan edaran permohonan dibuat dari tarikh penerimaan lengkap (2-3 hari) kepada Jabatan Teknikal.

ii. Pengumpulan ulasan permohonan akan dikumpul dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat edaran permohonan.

iii. Permohonan dibincangkan dan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancangan Negeri (JKT-JPNS) dalam tempoh **14 hari** dari tarikh permohonan lengkap diterima.

iv. Pemakluman keputusan mesyuarat melalui penyediaan minit mesyuarat (dalam tempoh 3 hari) dan diedarkan kepada pemohon dan PBT yang berkenaan dalam tempoh **7 hari.**

v. Mengedarkan Surat Aku Janji dan pelan akhir yang diterima daripada pemohon kepada PBT dan Jabatan Teknikal berkaitan.

vi. Menyediakan pemakluman keputusan mesyuarat untuk pelaporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor (JPNS).

### 3.4.3 Peranan Ahli Jawatankuasa (Jabatan Teknikal)

i. Jabatan Teknikal hendaklah mengemukakan ulasan teknikal secara bertulis/ atas talian kepada pihak urus setia dan disalinkan kepada pemohon.

ii. Jabatan Teknikal perlu menghadiri Mesyuarat JKT-JPNS bagi membuat keputusan semasa proses rundingan.

### 3.4.4 Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

i. Membuat pemakluman keputusan rundingan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (JKOSC) dan dijadikan agenda tetap di dalam Mesyuarat JKOSC.

ii. Memastikan Pelan Akhir (Pelan Susun Atur, Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah Dan Pelan Jalan & Parit) dan Surat Aku Janji yang diedarkan direkodkan.

# PROSES URUSAN RUNDINGAN PROJEK KERAJAAN



## 4.0 PROSES URUSAN RUNDINGAN PROJEK KERAJAAN

Proses urusan rundingan bagi projek-projek Kerajaan yang diurus dan diselia oleh Pegawai Penguasa yang dilantik adalah seperti berikut:

i. memastikan permohonan rundingan bagi cadangan projek adalah lengkap dengan pelan dan dokumen serta dikemukakan kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor selaku Setiausaha JPN. Bilangan pelan dan dokumen yang perlu disertakan adalah tertakluk kepada bilangan Ahli Jawatankuasa Teknikal JPNS;

ii. cadangan-cadangan projek yang dikemukakan oleh jabatan/agensi hendaklah mengandungi maklumat perancangan yang lengkap seperti berikut:

   a) Butir-Butir Tanah
      - No. Lot;
      - Mukim;
      - Daerah;
      - Majlis Bandaraya/ Perbandaran/ Daerah; dan
      - Keluasan (hektar)

   b) Keterangan Tapak
      - Keadaan Fizikal Tapak;
      - Sistem saliran dan perparitan;
      - Aras permukaan tapak;
      - Anjakan bangunan dan rizab-rizab;
      - Analisis topografi;
      - Rekod dan aras banjir tertinggi;
      - Titik curahan akhir (final discharge point); dan
      - jalan masuk dan keluar.

   c) Jenis pembangunan sedia ada di sekitar tapak.

   d) Penggunaan tanah/ bangunan yang sedia ada (jika ada) di atas tanah/tapak.

Proses rundingan ini juga merujuk kepada carta alir proses seperti di Rajah 7 serta format pelan susunatur **(Lampiran 3)**, format pelan bangunan **(Lampiran 4)**, format pelan kerja tanah **(Lampiran 5)**, dan format pelan jalan dan perparitan **(Lampiran 6)** yang seragam.

### 4.1 Pra-Syarat Urusan Rundingan Seksyen 20A, Akta 172

Bagi Negeri Selangor, pra-syarat utama projek-projek yang ingin dibuat di bawah rundingan seksyen 20A, Akta 172 adalah seperti berikut:

**Rajah 5:** Pra-syarat utama projek-projek kerajaan yang ingin dirundingkan di bawah seksyen 20A, Akta 172.




Semua projek kerajaan yang dilaksanakan secara konvensional dalaman, tetapi memerlukan kelulusan Kebenaran Merancang (Borang C1) dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), permohonan hendaklah dikemukakan terus ke Unit Pusat Setempat (OSC) di PBT.

Urusan rundingan di bawah Seksyen 20A ini hanya melibatkan projek kerajaan yang dilaksanakan secara konvensional, di mana reka dan bentuk (design and build) yang tidak memerlukan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) boleh dikemukakan untuk proses urusan rundingan di PLANMalaysia Selangor.

## 4.2 Penglibatan Urusan Rundingan dalam Proses Pelaksanaan Projek Pembangunan Kerajaan

Terdapat dua (2) kategori projek pembangunan kerajaan iaitu berskala besar (RM50 juta dan ke atas) dan berskala kecil (kurang daripada RM50 juta). Bengkel *Value Assesment* (VA) dan *Value Engineering* (VE) dilaksanakan bagi membincangkan projek pembangunan Kerajaan berskala besar. Oleh itu, merujuk kepada proses pelaksanaan projek pembangunan kerajaan, PLANMalaysia Negeri hendaklah dilibatkan dalam bengkel VA dan VE di proses 3 dan 4 (rujuk Rajah 6) bagi memberi input perancangan yang diperlukan oleh kementerian/ jabatan/ agensi berkaitan melibatkan projek pembangunan yang akan dilaksanakan.

**Rajah 6:** Penglibatan urusan rundingan dalam proses pelaksanaan projek pembangunan kerajaan.




**Rujukan kepada <u>GPP RMKe-13</u> berhubung Permohonan Projek *Rolling Plan* (Peringkat 2) hendaklah mematuhi:**

**i.** **Para 6.2 (Kriteria Pemilihan Projek)** –
Tapak siap sedia untuk dimasuki oleh kontraktor. Perolehan tanah telah selesai sebelum memohon kerja pembinaan (seksyen 22, Akta 486) – Borang K.

**ii.** **Para 6.1.6 (Pematuhan Akta/ Garis Panduan /Pekeliling/ Dasar)** –
- Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (pindaan 1985), *Environment Impact Assessment.*
- Akta Perancangan Bandar dan Desa (pindaan 2017), Seksyen 20B, *Social Impact Assessment*
- Perancangan projek hendaklah selaras dengan RFN, RS dan RT.

**iii.** **Para 6.1.12 (Pematuhan Dasar dan Peraturan Umum)** – Rundingan dengan JPN/MTPNg – mengambilkira perancangan pembangunan di peringkat negeri dan peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

## 4.3 Carta Alir Proses Urusan Rundingan 20A

Proses urusan rundingan bagi permohonan urusan secara rundingan JKT-JPNS adalah seperti berikut:

### 4.3.1 Peringkat 1: Pra-Rundingan

Kementerian/ jabatan/ agensi digalakkan mengadakan pra-rundingan bersama jabatan teknikal yang berkaitan sebelum mengemukakan permohonan kepada urus setia bagi memenuhi pra-syarat permohonan iaitu-

i. permohonan dikemukakan dan ditandatangani oleh Qualified Person (QP)/ Principal Submitting Person (PSP)/ Submitting Person (SP);

ii. menyelesaikan perihal tanah iaitu sekurang-kurangnya telah melepasi proses penyiaran Warta di bawah seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah

1960 [Akta 486] (Borang D);

c) memastikan cadangan pemajuan adalah selaras dengan rancangan tempatan (RT) dan menepati zon guna tanah yang ditetapkan; dan

d) mengambilkira garis panduan, pekeliling, arahan dan syarat lain yang ditetapkan oleh PBN.

### 4.3.2 Peringkat 2: Permohonan, Penerimaan dan Edaran Permohonan

**Peringkat 2A: Peringkat Permohonan**

Kementerian/ jabatan/ agensi hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap kepada urus setia iaitu PLANMalaysia Selangor mengikut senarai semak yang telah ditetapkan. Dokumen wajib dan dokumen tambahan yang diperlukan adalah-

i. Dokumen wajib: Dokumen yang perlu dikemukakan kepada semua 17 jabatan teknikal yang menjadi ahli mesyuarat urusan rundingan (tertakluk kepada jenis projek); dan

ii. Dokumen tambahan: Dokumen yang diperlukan bagi menyokong cadangan pembangunan mengikut keperluan teknikal minima jabatan teknikal berkaitan.

Bilangan pelan yang perlu disertakan sebanyak 18 salinan (bergantung kepada jenis permohonan dan keperluan jabatan teknikal). Pemohon hendaklah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:

a. cadangan pemajuan adalah selaras dengan Rancangan Tempatan (RT) kawasan berkenaan;

b. perihal tanah seperti tukar syarat, pecah sempadan, cantuman, pecah bahagian atau pengambilan balik tanah telah diselesaikan;

c. mengambilkira perkara-perkara yang telah diselaraskan semasa proses pra-rundingan bagi memastikan pandangan dan ulasan jabatan-jabatan teknikal diambilkira serta dipatuhi;

d. mengemukakan surat aku janji (letter of undertaking) kepada urus setia JKT-JPNS;

e. mengambilkira garis panduan, pekeliling, arahan dan syarat-syarat lain PBN dari semasa ke semasa.

Carta alir umum proses permohonan urusan secara rundingan 20A di Selangor adalah seperti **Rajah 7:**

**Peringkat 2B: Penerimaan Permohonan & Edaran**

Pengarah PLANMalaysia Selangor selaku Pengerusi JKT-JPNS setelah menerima permohonan yang lengkap daripada pemohon, hendaklah segera mengadakan rundingan.

PLANMalaysia Selangor hendaklah menyemak dan mengedarkan permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh **14 hari** kepada **17 jabatan teknikal** yang terlibat dalam urusan rundingan iaitu-

i. Pejabat Pembangunan Negeri (ICU);
ii. Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN);
iii. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
iv. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor (JKPTG);
v. Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS);
vi. Pejabat Daerah/ Tanah (PDT);
vii. Jabatan Kerja Raya Negeri/Daerah (JKR);
viii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri/ Daerah (JPS);
ix. Jabatan Alam Sekitar (JAS);
x. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
xi. Jabatan Mineral dan Geosains (JMG);
xii. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM);
xiii. Tenaga Nasional Berhad (TNB);
xiv. Indah Water Konsortium (IWK);
xv. Air Selangor;
xvi. PLANMalaysia Selangor; dan
xvii. Lembaga Urus Air Selangor.

**Rajah 7:** Carta alir proses permohonan urusan secara rundingan di bawah 20A

| Peringkat | Proses | Tindakan |
|---|---|---|
| **Peringkat 1** | **PRA-RUNDINGAN**<br>Kementerian/Jabatan/Agensi digalakkan untuk berunding dengan Jabatan Teknikal berkaitan bagi memenuhi pra-syarat permohonan. | **Tindakan:**<br>**PEMOHON** |
| **Peringkat 2** | **PERMOHONAN**<br>Kementerian/Jabatan/Agensi mengemukakan permohonan yang lengkap mengikut senarai semak. | **Tindakan:**<br>**PEMOHON**<br>i. Borang JPBD.Sel.JKT JPNS/B1<br>- Senarai Semak<br>ii. Borang JPBD.Sel.JKT JPNS/B2<br>- Aku Janji |
| | **SEMAKAN & EDARAN DOKUMEN**<br>Urus setia membuat semakan dan mengedarkan dokumen yang lengkap kepada semua Jabatan Teknikal berkaitan untuk ulasan. | **Tindakan:**<br>**PLANMalaysia SELANGOR**<br>Borang Akuan Penerimaan |
| **Peringkat 3** | **ULASAN JABATAN TEKNIKAL**<br>Ulasan jabatan-jabatan teknikal. | **Tindakan:**<br>**JABATAN TEKNIKAL** |
| | **PBT**<br>1. Jabatan Perancang<br>2. Jabatan Kejuruteraan<br>3. Jabatan Bangunan<br>4. Jabatan Lanskap<br><br>**JABATAN TEKNIKAL**<br>1. ICU<br>2. UPEN<br>3. JKPTG NEGERI<br>4. PTG/PTD<br>5. JKR<br>5. JPS<br>6. JAS<br>7. BOMBA<br>8. JMG<br>9. SKMM<br>10. TNB<br>11. IWK<br>12. PPS<br>13. AIR SELANGOR<br>14. LUAS | |
| **Peringkat 4** | **MESYUARAT RUNDINGAN 20A**<br>Mesyuarat JKT-JPNS akan diadakan dalam **tempoh 14 hati dari tarikh permohonan lengkap diterima.** | **Tindakan:**<br>**PLANMalaysia SELANGOR** |
| | **PEMAKLUMAN KEPUTUSAN**<br>Keputusan rundingan dimaklumkan kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan PBT Berkenaan. | |
| **Peringkat 5** | **SURAT AKU JANJI & PELAN AKHIR**<br>Kementerian/ Jabatan/ Agensi mengemukakan Pelan Akhir yang telah dipinda sebagaimana keputusan mesyuarat dan menyerahkan Surat Aku Janji dalam tempoh **60 hari selepas mesyuarat diadakan**. | **Tindakan:**<br>**PEMOHON**<br>**Tindakan:**<br>**PLANMalaysia SELANGOR**<br>Borang Aku Janji |
| **Peringkat 6** | **PEMAKLUMAN DALAM MESYUARAT JK PERANCANG NEGERI**<br>Makluman kelulusan setelah Pelan Akhir dan Surat Aku Janji diterima | **Tindakan:**<br>**PLANMalaysia SELANGOR** |

### 4.3.3 Peringkat 3: Semakan dan Ulasan Jabatan Teknikal

i. Semua jabatan teknikal yang terlibat hendaklah menyemak pelan/dokumen yang telah diedarkan dan mengemukakan ulasan bertulis kepada urus setia 5 hari sebelum Mesyuarat JKT-JPNS diadakan.

ii. Ulasan daripada PBT adalah mengambilkira keperluan pematuhan dan semakan daripada Jabatan Perancang, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan dan Jabatan Landskap PBT tersebut.

### 4.3.4 Peringkat 4: Mesyuarat Urusan Rundingan 20A (JKT-JPNS) & Pemakluman Keputusan

i. Mesyuarat (JKTJPNS) dengan kuasa yang diperturunkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) akan berunding dan menyelaraskan perkara-perkara teknikal.

ii. Mesyuarat urusan rundingan iaitu Mesyuarat (JKT-JPNS) dilaksanakan dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh permohonan lengkap diterima.

iii. Keahlian Mesyuarat adalah seramai 17 orang, seperti dalam **Jadual 1**.

iv. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Pengarah PLANMalaysia Selangor dan Pengarah UPEN, manakala PLANMalaysia Selangor sebagai urus setia.

v. Urus setia hendaklah menyediakan minit mesyuarat dalam tempoh tiga (3) hari selepas mesyuarat dijalankan dan edaran minit mesyuarat dalam tempoh tujuh (7) hari. Keputusan rundingan ini akan dimaklumkan kepada pemohon dan PBT yang berkenaan.

vi. Pemakluman kepada JPNS oleh Setiausaha JKT-JPNS akan memaklumkan kepada JPNS berkenaan projek-projek yang telah dirunding. Pemakluman rundingan juga akan dimaklumkan kepada PBT berkaitan.

### 4.3.5 Peringkat 5 : Pengemukaan Surat Aku Janji dan Pelan Akhir

i. Kementerian/ jabatan/ agensi perlu mengemukakan Surat Aku Janji dan Pelan Akhir (pindaan pelan yang telah mematuhi syarat teknikal dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal kepada Jawatankuasa Perancang Negeri) dalam tempoh 60 hari selepas mesyuarat diadakan.

